

06/02/2014 - Majlis Penyampaian Skim Insentif Sukan MAKSAK (SISM) 2013

Bismillahir rahmanir rahim

Assalamualaikum warahmatullahi

Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia

YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam merangkap

Timbalan Yang Dipertua MAKSAK Malaysia,

YBhg. Datuk Othman Mahmood, Timbalan Ketua Setiausaha Kanan JPM merangkap Naib Yang Dipertua MAKSAK Malaysia,

YBhg. Datuk Jamil Salleh, Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan merangkap Naib Yang Dipertua MAKSAK Malaysia,

Yang Dipertua dan Pengerusi Badan-badan Gabungan MAKSAK,

Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja MAKSAK Malaysia,

Para atlet Perkhidmatan Awam yang diraikan,

Tuan-tuan dan puan-puan, para hadirin yang dihormati sekalian.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT atas limpah kurnia dan keizinan Nya jua, kita semua dapat bertemu dan beramah mesra dalam Majlis Penyampaian Skim Insentif Sukan MAKSAK Malaysia bagi tahun 2013.

2. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan kehadiran para tetamu terutamanya daripada ahli Gabungan MAKSAK, dan merakamkan ucapan terima kasih atas sokongan padu serta kerjasama erat yang telah diberikan kepada MAKSAK Malaysia dalam penganjuran programnya sepanjang tahun 2013.

3. MAKSAK mempunyai sejarah dan tradisi kecemerlangannya yang tersendiri dalam arena sukan negara sejak ianya mula ditubuhkan pada 1956. Nama-nama seperti Tan Sri Dr. M. Jegathesan, Datuk Marina Chin, Allahyarham Tan Sri Abdul Ghani Minhat dan Rabuan Pit merupakan antara nama-nama besar sukan negara yang muncul melalui kejohanan sukan MAKSAK. Legasi kecemerlangan ini diteruskan pula oleh bintang-bintang seperti Sazali Samad (dari sukan bina badan), dan Nor Suryani Taibi (dari sukan menembak) yang telah juga mengharumkan nama negara di persada antarabangsa. Namun usaha masih perlu diteruskan untuk melahirkan bintang-bintang muda di kalangan anggota Perkhidmatan Awam untuk mewakili negara.

4. Persekitaran sukan negara pada masa ini telah banyak berubah di mana pihak Kerajaan dan swasta kini bekerjasama erat dalam menyokong pertumbuhan sukan negara di samping memastikan kebajikan para atlet juga terjaga. Menyedari hakikat ini, MAKSAK mengorak langkah untuk memperkenalkan Skim Insentif Sukan MAKSAK pada tahun 2012 bagi mengiktiraf kejayaan para atlet Perkhidmatan Awam yang telah mencapai kejayaan di peringkat antarabangsa. Skim ini merupakan bukti sokongan MAKSAK kepada para atlet Perkhidmatan Awam dan sebagai satu bentuk motivasi bagi mereka untuk terus berusaha mencapai kejayaan dalam sukan masing-masing.

5. MAKSAK sedar bahawa tugas melahir serta membangunkan atlet bukannya tugas yang mudah, dan memerlukan kerjasama pelbagai pihak bagi memastikan lebih ramai wira-wira sukan negara di kalangan anggota Perkhidmatan Awam dapat dilahirkan untuk membawa cabaran sukan negara di arena global. Di sini saya ingin menyeru para jurulatih dan atlet muda Perkhidmatan Awam yang semakin meningkat naik untuk membuat anjakan paradigma dengan menerapkan elemen sains dan teknologi sukan dalam meningkatkan lagi prestasi masing-masing. Inovasi dalam sukan kini dilihat sangat penting, dan perbezaan antara yang menang dan kalah hanya dipisahkan oleh satu 'garisan halus'. Dalam perkara ini izinkan saya untuk berkongsi kisah Sir Dave Bailsford, Performance Director bagi pasukan Basikal Great Britain. Beliau memelopori pendekatan 'marginal gains' di mana ideanya adalah untuk menyenaraikan SEGALA elemen yang terlibat dalam persediaan seseorang atlet untuk bertanding dan menunggang. Dengan menambahbaik setiap elemen yang disenaraikan sebanyak 1%, seseorang

atlet akan berupaya mendapat peningkatan prestasi yang signifikan apabila kesemua 'peningkatan 1%' tersebut digabungkan. Elemen tersebut termasuklah cara penunggang membasuh tangan, postur tidur yang betul, menggunakan bantal yang sama untuk tidur dan pelbagai aspek kehidupan mereka yang tampak remeh namun amat penting di bawah pendekatan ini. Pendekatan ini ternyata membawa kejayaan besar kepada pasukan berbasikal Great Britain di mana mereka memenangi 7 daripada 10 pingat emas dalam acara trek berbasikal dalam Sukan Olimpik 2012. Saya yakin kita semua boleh belajar sesuatu daripada pendekatan ini. Persoalannya kini berada dalam diri pentadbir, jurulatih dan para atlet sendiri untuk bekerjasama dalam melonjakkan prestasi atlet.

Saudara dan saudari yang dihormati sekalian,

6. Pada petang ini seramai 31 orang atlet anggota Perkhidmatan Awam yang telah mencapai kejayaan di Kejohanan Sukan SEA Ke-27 2013 di Myanmar dan kejohanan-kejohanan antarabangsa lain yang diiktiraf sepanjang tahun 2013, akan menerima insentif kewangan berdasarkan kejayaan masing-masing. Saya amat gembira dan berbangga dengan kejayaan ini, dan adalah menjadi harapan saya selaku Yang Dipertua MAKSAK semoga kejayaan ini akan menjadi inspirasi kepada semua atlet Perkhidmatan Awam untuk terus meningkatkan prestasi dan kecemerlangan dalam bidang sukan masing-masing. Saya percaya ahli sukan seharusnya juga menjadi *role model* dan ikutan buat para penjawat awam yang lain.

7. Saya juga turut mendoakan kejayaan atlet-atlet yang bakal bertanding dalam kejohanan-kejohanan sukan antarabangsa pada tahun ini. Tahun 2014 bakal menyaksikan Sukan Asia diadakan di Incheon, Korea Selatan dan Sukan Komanwel di Glasgow, Scotland dan harapan saya agar akan terdapat anggota Perkhidmatan Awam yang akan mengharumkan nama Perkhidmatan Awam dan negara dalam temasya tersebut kelak.

8. Akhir kata, saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah hadir dan menjayakan majlis ini. Semoga kita akan dapat berjumpa semasa Malam Anugerah MAKSAK 2013 di Kota Iskandar, Johor Bahru pada 14 Februari 2014.

Sekian,

Wabillahittaufik walhidayah
Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh